

Permohonan keluar masuk negara

Hanya melalui MyTravelPass

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bermula semalam, semua permohonan kebenaran masuk dan keluar negara bagi rakyat tempatan serta warganegara asing boleh dibuat melalui sistem MyTravelPass yang boleh diakses melalui laman web rasmi Jabatan Imigresen, www.imi.gov.my dan mtp.imi.gov.my.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, sistem itu adalah antara inisiatif *End to End* (E2E) bagi memantapkan sistem penyampaian selaras usaha pendigitalan serta penambahbaikan perkhidmatan kerajaan.

Katanya, terdapat lapan kategori permohonan yang boleh dikemukakan melalui MyTravelPass iaitu masuk melalui Singapura *Reciprocal Green Lane* (RGL), masuk melalui Singapura Periodical Commuting Arrangement (PCA) dan permohonan keluar oleh rakyat tempatan atas sebab yang boleh dipertimbangkan.

“Selain itu, permohonan masuk warga asing atau penduduk tetap (PR) atas sebab yang boleh dipertimbangkan, majikan bagi kategori pembantu rumah asing, pas lawatan kerja sementara, warga asing bagi kategori pasa-

ngan rakyat tempatan kepada PR atau anak kepada warganegara ini atau anak kepada PR.

“Permohonan juga boleh dilakukan warga asing kategori ekspatriat serta kategori Malaysia Rumah Kedua,” katanya di sini semalam.

Sebelum ini, permohonan keluar dan masuk ke negara ini oleh rakyat tempatan dan warganegara asing dibuat melalui emel jabatan.

Jabatan itu kerap menerima aduan tentang kelewatan mendapatkan keputusan disebabkan kerana terlalu banyak emel yang diterima.

Khairul Dzaimie berkata, pihaknya mengambil langkah proaktif menambah baik sistem MyTravelPass sebagai satu platform bagi memudahkan permohonan.

Menurutnya, bagi rakyat tempatan dan warga asing yang termasuk dalam kategori dibenarkan keluar atau masuk terus tanpa perlu memohon kelulusan awal, kebenaran itu masih berkuat kuasa dan mereka tidak perlu memohon kebenaran melalui sistem tersebut.

“Orang ramai dinasihatkan membaca dan memahami terlebih dahulu semua arahan serta tatacara permohonan sebelum mengisi permohonan dalam MyTravelPass,” katanya.



Sistem yang diperkenalkan itu adalah antara inisiatif *End to End* (E2E) bagi memantapkan sistem penyampaian selaras usaha pendigitalan serta penambahbaikan perkhidmatan kerajaan.

KHAIRUL DZAIMIE DAUD